



'Masih banyak perlu dibuat bantu Keluarga Malaysia'

Ogos 7, 2022 @ 7:15pm



Annuar (dua, kiri) bersama Ronald Kiandee (tiga, kanan) beramah mesra dengan atlet negara, Mohd Syarul Azman Mahen Abdullah (tiga, kiri) dan Shalin Zulkifli (empat, kiri) sempena Pameran MAHA, hari ini. Foto Bernama

SERDANG: Masih banyak perkara perlu dilakukan dan setiap individu dalam kerajaan menggalas tanggungjawab untuk bekerja bersama pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa, berkata kerajaan hari ini komited dan fokus untuk bekerja keras menjayakan agenda membantu Keluarga Malaysia, terutama ketika berhadapan krisis kenaikan harga barang ketika ini.

"Fokus utama kami sekarang ialah meneruskan kerja dan berkhidmat untuk masyarakat. Saya rasa perkara ini sesuatu yang setiap orang perlu ambil tanggungjawab untuk bekerja bersama-sama perdana menteri dan kerajaan, serta fokus kepada agenda membantu rakyat Malaysia secara amnya ketika waktu sukar ini."

"Apabila tiba masanya, masa yang tepat, perdana menteri akan membubarkan Parlimen...Tetapi buat masa ini, perdana menteri amat komited mengambil usaha membantu rakyat Malaysia untuk berhadapan masa sukar ini," katanya selepas melawat Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Annuar yang juga Ketua UMNO Ketereh mengulas kenyataan Ismail Sabri semalam mengenai kerajaan pimpinannya sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan, termasuk mengadakan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) lebih awal, sekiranya Perikatan Nasional (PN) berhasrat menarik sokongan dalam kerajaan.

Parti komponen PN dianggotai BERSATU, PAS, GERAKAN, Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Sementara itu, Annuar berkata, tidak timbul sebarang isu kononnya PN menarik sokongan terhadap kerajaan.

Katanya, PN masih sebahagian daripada kerajaan pimpinan Ismail Sabri, walaupun tular pelbagai berita dan mesej mendakwa PN berhasrat menarik balik sokongan.

"Selepas macam-macam berita keluar, kita dapat kepastian bahawa PN masih lagi sebahagian daripada kerajaan. Isu PN menarik sokongan bukan isu lagi," katanya.

Pada Jumaat lalu, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU, Faiz Na'aman manafikan laporan mendakwa PN akan menarik sokongan terhadap perdana menteri kerana isu tuntutan jawatan timbalan perdana menteri, serta menegaskan partinya akan terus menyokong kepimpinan Ismail Sabri.